



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

TEKS UCAPAN

**YB DATO' HAJAH SITI ZAILAH BINTI MOHD YUSOFF
TIMBALAN MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN
MASYARAKAT**

**PROGRAM TURUN PADANG KPWKM (EDISI NEGERI KELANTAN)
*#ttemumatoKPWKM***

**22 OGOS 2020 (SABTU)
8.00 PAGI – 1.00 TENGAH HARI
DEWAN MAJLIS DAERAH TANAH MERAH, KELANTAN**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

dan Salam Sejahtera

SALUTASI

*(*akan diberikan semasa majlis)*

PENDAHULUAN

1. Terlebih dahulu, saya ingin memanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah Subhanahu Wataa'la kerana dengan limpah kurnia dan keizinanNya, kita diberi ruang dan peluang untuk bersama dalam **Program Turun Padang (PTP) Kementerian**

**Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM)
Edisi Negeri Kelantan** pada hari ini.

2. Saya juga ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada yang setia berusaha pegawai-pegawai KPWKM dan Jabatan-Jabatan di Negeri Kelantan atas persiapan dan persediaan yang telah dilakukan untuk program ini.
3. Saya amat berbesar hati dan mempunyai keyakinan yang tinggi juga kerana program ini dilaksanakan dengan **kerjasama Urus Setia Kebajikan, Pembangunan Keluarga dan Wanita Negeri**

Kelantan (U-KekWA) di bawah kepimpinan YB EXCO Kebajikan, Pembangunan Keluarga dan Wanita Negeri Kelantan yang dari semasa ke semasa banyak membantu pegawai-pegawai saya di Kementerian dari aspek bimbingan, panduan dan persiapan teknikal di Kelantan. Terima kasih yang tidak terhingga saya ucapkan.

LATAR BELAKANG

Hadirin dan hadirat sekalian,

4. Penganjuran program turun padang ini adalah sebagai pelaksanaan atas **saranan YAB Perdana Menteri** kepada

semua Menteri dan Timbalan Menteri untuk turun padang terutamanya di kawasan Parlimen masing-masing bagi meninjau permasalahan yang dihadapi oleh rakyat secara langsung.

5. Semasa saya membentangkan cadangan untuk turun padang ini kepada YB Datuk Seri Rina binti Mohd Harun, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, saya telah menyatakan hasrat untuk memulakan program turun padang ini di Negeri Kelantan kerana bukan sahaja ianya merupakan tempat tumpah darah saya malahan ianya sebuah negeri yang kaya dengan pelbagai latar belakang kaum, sosio ekonomi,

aktiviti pekerjaan dan ekonomi serta keadaan lokasi. YB Menteri berbesar hati dengan cadangan ini dan memberikan sokongan sepenuhnya. Malah beliau telah menyatakan hasrat untuk bersama-sama kita dalam **majlis perasmian yang akan diadakan pada 5 September 2020 bersama YAB Menteri Besar** nanti. InsyaAllah.

6. Kepelbagaian inilah yang menyebabkan saya dipanggil untuk memulakan inisiatif pendekatan perkhidmatan-perkhidmatan di bawah Kerajaan untuk dimulakan di sini, yang semoga boleh **dijadikan sebagai 'benchmark' atau penanda aras** untuk program turun padang di negeri-negeri lain kelak.

7. Bagi saya, program turun padang ini cukup bermakna kerana setelah 8 hari mengambil alih sebagai Timbalan Menteri pada 10 Mac 2020, Kerajaan telah mengumumkan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) pertama pada 18 Mac 2020. Program ini pula, merupakan yang pertama diadakan oleh saya dalam skala yang besar dan sudah tentunya ianya masih perlu mematuhi SOP penganjuran program dan penjarakkan yang dianjurkan oleh Kerajaan. Dengan itu, marilah kita sama-sama terus patuh dengan SOP ini sehingga ke akhir program agar ianya boleh menjadi contoh yang baik terhadap penyertaan dalam siri-siri yang seterusnya.

OBJEKTIF PTP

Hadirin dan hadirat sekalian,

8. Program turun padang yang melibatkan **14 buah Parlimen ini dijadual akan diadakan di 5 buah lokasi dalam 6 sesi** iaitu di Tanah Merah pada pagi ini, seterusnya di Gua Musang pada 23 Ogos 2020, Kuala Krai pada 3 September 2020, Kota Bharu pada 5 September 2020 termasuk majlis perasmian dan Pasir Mas pada 6 September 2020.
9. Tanpa budi dan jasa baik pelbagai pihak dalam menyediakan **kemudahan dan logistik**, tidak mungkin program ini boleh

dilaksanakan secara menyeluruh sebegini. Oleh yang demikian, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada **Majlis Daerah Tanah Merah dan Hospital Tanah Merah** Serta tidak ketinggalan rakan strategik seperti:

- a. Jabatan Penerangan Malaysia Negeri Kelantan
- b. Bahagian Pembangunan Teknologi Maklumat, SUK Kelantan
- c. Polis Diraja Malaysia (PDRM)
- d. Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA); dan
- e. Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM)

10. Pada hari ini, saya difahamkan KPWKM mempromosikan perkhidmatan yang ditawarkan oleh Kerajaan melalui **booth pameran** yang disediakan seperti:

- a. Unit Komunikasi Korporat KPWKM;
- b. Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Negeri Kelantan;
- c. Pejabat Pembangunan Wanita Negeri Kelantan (PPWN Kelantan);
- d. Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) Negeri Kelantan;
- e. Yayasan Kebajikan Negara (YKN);
- f. Institut Sosial Malaysia (ISM);
- g. UkeKWa;

- h. Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) Negeri Kelantan;
- i. TEKUN Nasional Negeri Kelantan; dan
- j. Perbadanan Ekonomi Digital Malaysia (MDEC) kepada pemegang taruh atau '*stakeholders*' kepada KPWKM dan Kerajaan Negeri.

11. Mereka juga bersedia untuk memberikan penerangan kepada para hadirin mengenai inisiatif-inisiatif dan perkhidmatan yang disediakan oleh Kerajaan dan saya percaya hampir semua penerangan telah turut **diliputi oleh para pegawai kita dalam slot Bicara dan *Townhall* bersama saya** pada pagi tadi.

12. Selain pameran perkhidmatan dan slot bicara ini, dengan adanya barisan pimpinan masyarakat seperti penggawa, ketua kampung, pimpinan Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) dan lain-lain pihak, saya percaya program ini merupakan platform yang efektif untuk memberikan **penjelasan berhubung perkhidmatan dan inisiatif baharu KPWKM** untuk disampaikan kepada rakyat di peringkat akar umbi di Negeri Kelantan.

INISIATIF KPWKM SEMASA PKP

Hadirin dan hadirat sekalian

13. Apabila Kerajaan mengumumkan PKP pada 18 Mac 2020, ramai dalam kalangan kita yang terkesan ekoran COVID-19 dari segi pekerjaan, mata pencarian, kesihatan, emosi dan sosial. Saya sendiri telah menerima beratus aduan dan permohonan daripada rakyat yang terputus mata pencarian, terputus hubungan daripada isteri, suami, anak-anak, ibu bapa dan ahli keluarga.

14. Terdapat juga keadaan di mana warga emas, ibu dan ayah kita yang turut mengalami tekanan emosi akibat berjauhan daripada anak-anak dan cucu-cucu. Sebagai ibu kepada anak-anak, saya amat memahami keadaan ini dan telah cuba sedaya upaya untuk memastikan kumpulan sasar kementerian saya mendapat sokongan dan bantuan yang sewajarnya.

15. Hotline KPWKM, **Talian Kasih 15999** yang kebiasaannya menerima panggilan sekitar 145 sehari telah mencecah rekod paling tinggi dengan 3,308 panggilan dalam satu hari pada 16 April 2020.

16. Bagi mengurangkan tekanan ini, Kementerian melalui agensi-agensinya di bawahnya telah melaksanakan pelbagai inisiatif seperti mengambil langkah tambahan untuk menjaga kumpulan sasar yang sedia di bawah jagaan institusi.
17. Pakej-pakej khas bakul makan dan wang tunai juga dihulurkan tanpa mengira waktu oleh *frontliners* KPWKM dan para NGO kepada golongan rentan untuk menjamin kelangsungan hidup mereka.
18. Melalui JKM, Kementerian ini telah bertanggungjawab untuk mengagihkan **Bantuan Bakul Makanan** yang disediakan di

bawah Tabung Bencana COVID-19 dan Kementerian Kewangan Malaysia berjumlah RM47,429,105.44 untuk sepanjang tempoh PKP. Ini termasuk di 10 buah kawasan PKP Diperketatkan (PKPD/EMCO) di seluruh Malaysia.

19. Seramai **4,293 orang barisan hadapan (*frontliners*) JKM** telah terlibat dalam operasi ini dengan dibantu oleh petugas Angkatan Tentera Malaysia (ATM), PDRM, Jabatan Kerja Raya (JKR), Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara Semenanjung Malaysia (PERHILITAN), Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA), dan Angkatan Pertahanan Awam (APM) bagi

tujuan pengangkutan dan pengagihan bakul makanan tersebut.

20. Kerajaan juga telah memutuskan supaya JKM menyelaras semua sumbangan daripada NGO, syarikat korporat dan individu mengikut keperluan. Sehingga 19 Jun 2020, sejumlah **2,820** NGO, syarikat korporat dan individu telah menghulurkan sumbangan melalui JKM **bernilai RM20,703,840**, yang telah memanfaatkan seramai **401,825** orang penerima sumbangan berbentuk makanan kering, makanan dimasak dan makanan basah.

21. Kementerian melalui Yayasan Kebajikan Negara (YKN) juga telah menubuhkan Tabung Prihatin YKN-JKM COVID-19 bagi menggalakkan syarikat korporat dan orang perseorangan untuk menyumbang kepada rakyat Malaysia yang memerlukan bantuan. Sumbangan ini telah digunakan bagi tujuan membantu golongan B40 dan kumpulan sasar JKM yang kehilangan pendapatan dan terkesan daripada pelaksanaan PKP.

Hadirin dan hadirat sekalian,

22. Sokongan emosi dan sosial rakyat juga tidak dipinggirkan. Oleh yang demikian, **Talian Kasih 15999 dan Talian Whatsapp 0192615999 yang beroperasi 24 jam** sehari, tujuh hari seminggu turut diteruskan dengan tujuan untuk menerima aduan isu-isu wanita, kanak-kanak, OKU, keluarga dan masyarakat.

23. Talian Khas Kaunseling Covid-19 juga diwujudkan bagi memberi **perkhidmatan kaunseling dan psikologi** kepada mereka yang terkesan daripada penularan wabak COVID-19

serta PKP. Talian ini melibatkan seramai 528 orang kaunselor di bawah Lembaga Kaunselor Malaysia dan JKM di seluruh negara. Dalam tempoh dari 18 Mac 2020 hingga 20 Ogos 2020, Talian Khas Kaunseling COVID-19 telah menerima sebanyak **2,482 panggilan.**

24. Sesungguhnya inisiatif-inisiatif semasa PKP ini tidak dapat dilaksanakan tanpa pengorbanan masa dan tenaga *frontliners* kita. Negara amat terhutang budi dengan pengorbanan yang telah ditabur oleh barisan hadapan Kementerian ini.

INISIATIF PELAN JANA SEMULA EKONOMI NEGARA (PENJANA)

Hadirin hadirat sekalian

25. Wabak COVID-19 telah memberi kesan negatif ke atas ekonomi negara dengan berlakunya situasi penutupan perniagaan, kehilangan pekerjaan dan penguncupan peluang pekerjaan di semua sektor. Jabatan Perangkaan melaporkan bahawa **kadar pengangguran** di negara ini melonjak kepada lima peratus iaitu seramai 778,800 orang pada April tahun ini.

26. Oleh yang demikian, saya merakamkan jutaan **terima kasih kepada YAB Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin**, Perdana Menteri kita, atas pengumuman Pelan Pemulihan Jangka Pendek atau **PENJANA** pada 5 Jun 2020 yang lalu.

27. Dengan pengumuman tersebut, kumpulan sasar di bawah KPWKM menerima manfaat secara langsung melalui inisiatif di bawah teras Memperkasa Rakyat dalam PENJANA iaitu:

a. **Program Subsidi TASKA (*Child Care Subsidy*) bernilai RM35 juta** bertujuan untuk meringankan beban ibubapa

yang bekerja semasa tempoh PKP Pemulihan melalui pemberian subsidi bagi menjimatkan perbelanjaan perkhidmatan penjagaan anak. Program ini diberi dalam bentuk bantuan kewangan dan pelepasan cukai serta pemberian geran sehingga RM5,000 bagi pengendali taska yang berdaftar dengan JKM;

- b. **Program Bantuan Tunai secara one-off** sebanyak RM300 untuk untuk ibu tunggal, OKU dan sukarelawan Program Khidmat Bantu di Rumah. Program yang bernilai RM103 juta ini dijangka memberi manfaat kepada 190,000 orang

OKU yang terdaftar dan 150,000 orang ibu tunggal yang berada di bawah garis kemiskinan.

28. Alhamdulillah saya juga telah berkesempatan menyampaikan penerangan mengenai bantuan tunai ini dalam **slot *Akok Edisi 20 Ogos 2020 Bersama Abe Dik*** di KelantanFM.
29. Akhir kata, saya doakan agar Program Turun Padang KPWKM Edisi Negeri Kelantan pada hari ini dapat memberi manfaat kepada semua yang hadir dan semoga ianya dapat diteruskan dengan jayanya di lokasi-lokasi yang seterusnya. Semoga para pegawai dan rakan strategik program ini dilimpahi rahmat dan

dilindungi Allah SWT atas niat **MENJALANKAN AMANAH** demi Agama, Bangsa dan Negara. InsyaAllah

30. Saya juga ingin memohon maaf sekiranya terdapat sebarang kekurangan sepanjang program ini berlangsung dan akan diperbaiki untuk masa-masa yang akan datang. Teruskan kecemerlangan. Semoga setiap niat dan tugas kita menjaga kumpulan sasar mendapat keberkatan dan balasan yang baik Allah S.W.T.

Wabillahi Taufik Walhidayah

Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Terima kasih.